




STATISTIK BENCANA KUMULATIF MULAI 16 OKTOBER 2025 SEHINGGA 1 NOVEMBER 2025

8 NEGERI	23 DAERAH	25 KEJADIAN BENCANA	2,605 KELUARGA	10,315 MANGSA	73 PPS DIBUKA	0 KEMATIAN
--------------------	---------------------	-------------------------------	--------------------------	-------------------------	-------------------------	----------------------

* Data sehingga jam 12.00 tengah hari

PPS: Pusat Pemindahan Sementara





SITUASI TERKINI

- Fasa Peralihan Monsun telah bermula pada 30 September 2025 dan berterusan sehingga November 2025. Permulaan fasa ini menandakan berakhirnya Monsun Barat Daya yang telah bermula sejak 10 Mei 2025.
- Semasa fasa Peralihan Monsun, rantau negara akan menerima tiupan angin lemah dari pelbagai arah. Keadaan ini boleh mengalakkan pembentukan awan ribut petir yang lazimnya membawa kepada kejadian hujan lebat berserta angin kencang dalam tempoh masa yang singkat terutamanya pada waktu petang dan awal malam di kebanyakan kawasan di barat dan pedalaman Semenanjung, barat Sabah dan Sarawak. Fenomena cuaca ini berpotensi menyebabkan banjir kilat, pokok tumbang, kepala air serta kerosakan pada struktur yang tidak kukuh.
- Analisis terhadap model-model ramalan cuaca menunjukkan penumpuan angin berlaku di utara Semenanjung bermula pada 19 hingga 25 Oktober 2025. Keadaan ini menyebabkan ribut petir berserta hujan lebat dan angin kencang dalam jangka masa yang lebih panjang di kawasan berkenaan dalam tempoh tersebut. Pada 24 Oktober 2025, Amaran Hujan Berterusan peringkat Waspada telah dikeluarkan untuk negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak sehingga 25 Oktober 2025. Hujan lebat berterusan dalam tempoh tersebut telah menyebabkan banjir berlaku di tiga negeri iaitu Kedah, Perak dan Pulau Pinang.
- Pada 30 Oktober 2025, Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) telah mengeluarkan Ramalan Cuaca Signifikan yang menyatakan bahawa berdasarkan analisis model-model cuaca, **keadaan cuaca kurang hujan dan panas yang sedang berlaku di kebanyakan tempat di seluruh negara dijangka berterusan sehingga awal November 2025** susulan pembentukan ribut tropika di barat Lautan Pasifik dan Laut China Selatan. Sehubungan itu, suhu harian maksimum di sesetengah kawasan dijangka boleh mencecah 36°C dalam tempoh tersebut.

Sumber : Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)



RAMALAN CUACA 7 HARI (SEHINGGA 7 NOVEMBER 2025)

- Secara amnya, rantau negara dijangka menerima angin baratan sepanjang tempoh ramalan. Terdapat beberapa pembentukan sistem vorteks di barat Lautan Pasifik dan Laut China Selatan sepanjang tempoh ramalan. Arah angin dijangka lebih tertumpu kepada sistem vorteks tersebut yang mengurangkan kelembapan di rantau negara. **Keadaan ini menyebabkan cuaca dijangka kurang hujan dan panas di kebanyakan tempat di seluruh negara sehingga awal November.**
- Pembentukan garis badai yang membawa ribut petir/hujan lebat berserta angin kencang masih berpotensi berlaku di barat Semenanjung Malaysia, barat Sabah dan utara Sarawak pada awal pagi. Manakala, ribut petir/hujan dijangka juga masih berpotensi berlaku di kebanyakan negeri di Semenanjung Malaysia, timur Sabah dan Sarawak pada sebelah petang dan malam sepanjang tempoh ramalan.

Sumber : Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)



STATUS CUACA PANAS

- Bagi status cuaca panas terkini pada **31 Oktober 2025 jam 4.00 petang**, terdapat **empat daerah** iaitu **Maran di Pahang, Jempol di Negeri Sembilan** serta **Tangkak dan Segamat di Johor** telah mencatatkan cuaca panas Tahap 1 seperti di **Lampiran 1**.
- Bagi tempoh dari **1 - 15 November 2025** dijangkakan corak cuaca yang sama akan berlaku di mana tahap amaran paling maksima yang akan dikeluarkan adalah pada Tahap 1 sahaja.
- Untuk rujukan, **Tahap 1 (berjaga-jaga)**: suhu maksimum harian 35°C hingga 37°C sekurang-kurangnya 3 hari berturut-turut), **Tahap 2 (gelombang haba)**: suhu maksimum harian melebihi 37°C hingga 40°C sekurang-kurangnya 3 hari berturut-turut) dan **Tahap 3 (gelombang haba ekstrem)**: suhu maksimum harian melebihi 40°C sekurang-kurangnya 3 hari berturut-turut).

Sumber : Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)



STATUS STORAN EMPANGAN

- Pada 31 Oktober 2025, terdapat **satu empangan** yang berada pada **paras waspada** iaitu **Empangan Ahning, Kedah (54.10%)** seperti di **Lampiran 2**.
- Empangan Muda dan Empangan Ahning di Kedah berada di bawah paras normal bermula 5 Ogos 2025.

Sumber: Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)



STATUS PENCEMARAN UDARA

- Bagi status pencemaran udara terkini pada **1 November jam 12.00 tengah hari**, **tiada kawasan** yang merekodkan kualiti udara yang tidak sihat dengan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) melebihi 100 seperti di **Lampiran 3**.
- Untuk rujukan, bacaan IPU 0 - 50 (**baik**), 51 - 100 (**sedehana**), 101 - 200 (**tidak sihat**), 201 - 300 (**amat tidak sihat**) dan melebihi 300 (**merbahaya**).

Sumber : Jabatan Alam Sekitar (JAS)



STATUS JEREBU SERANTAU

- Berdasarkan kepada imej satelit NOAA-20 pada 31 Oktober 2025 yang direkodkan oleh *Asean Specialized Meteorological Centre (ASMC)* menunjukkan tiga titik panas dikesan di Semenanjung Malaysia manakala tiada titik panas dikesan di Sabah dan Sarawak. Sumatera menunjukkan peningkatan ketara dengan 84 titik panas dikesan manakala di Kalimantan terdapat dua titik panas dikesan seperti di **Lampiran 4**.

Sumber : Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)



RINGKASAN PENYAKIT BERKAITAN CUACA PANAS

- Pada **31 Oktober 2025**, tiada kes penyakit berkaitan dengan cuaca panas dilaporkan. Kumulatif kes berkaitan dengan cuaca panas bagi tahun 2025 adalah **54 kes**. Pecahan kes mengikut diagnosis adalah **46 kes kelesuan haba tujuh kes strok haba exertional** dan **satu strok haba**.
- Bilangan keseluruhan kes berkaitan cuaca panas mengikut negeri adalah 12 kes di Selangor, lapan kes di Sabah, tujuh kes masing-masing di Perak dan Negeri Sembilan, lima kes masing-masing di Melaka dan Johor, empat kes di Terengganu, tiga kes di Pahang, dua kes di Kedah serta satu kes di Kelantan. Pecahan kes mengikut umur adalah **22 kes remaja**, **26 kes dewasa** dan **satu kes warga emas**.
- Terdapat **satu kes kematian berkaitan cuaca panas** dilaporkan pada **21 Oktober 2025** melibatkan **seorang kanak-kanak perempuan berusia empat tahun yang tertinggal di dalam kereta di bawah terik matahari selama tiga jam**. Kesemua kes penyakit berkaitan cuaca panas telah sembuh dan dicaj dari pusat rawatan.

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)



LANGKAH-LANGKAH KESIAPSIAGAAN OLEH AGENSI KERAJAAN

- Pada 30 Oktober 2025 telah berlangsung Sesi Libat Urus bersama Media bagi membentangkan tahap kesiapsiagaan kerajaan untuk menghadapi Monsun Timur Laut (MTL) 2025/2026. Program anjuran NADMA ini telah menghimpunkan pelbagai agensi utama dalam lapangan pengurusan bencana termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia), Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS), Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) untuk membentangkan langkah persiapan dan pelan tindakan bagi menjelang MTL yang dijangka bermula awal November ini.



- 103,500 anggota serta 39,687 aset operasi daripada agensi-agensi tindak balas dan teknikal berada pada tahap kesiapsiagaan tinggi bagi memastikan tindakan pantas dan bersepadu sekiranya bencana berlaku. Keutamaan turut diberikan kepada pra-penempatan aset kritikal seperti bot dan 49 jambatan modular (*bailey bridge*) di kawasan berisiko.
- Sebanyak 8,940 Pusat Pemindahan Sementara (PPS) dengan kapasiti lebih 2.17 juta orang dikenal pasti di seluruh negara, manakala 15 Pusat Pemindahan Kekal Bencana (PPKB) baharu sedang dibina bagi mengukuhkan kemampuan perlindungan jangka panjang. Persediaan awal pengurusan mangsa bencana termasuk sebanyak 62,650 kit makanan dan 110,000 pek makanan sedia dimakan (MRE) telah mula diagihkan secara berfasa ke stor-stor negeri.
- *Table Top Exercise* (TTX) dan *Field Training Exercise* (FTX) juga dilaksanakan untuk menguji keberkesanan komunikasi dan tindak balas pelbagai agensi dalam menghadapi bencana banjir, tanah runtuh, kegagalan empangan serta operasi mencari dan menyelamatkan. Pemantauan rapi juga diteruskan di 3,683 lokasi *hotspot* banjir dan 254 lokasi cerun berisiko tinggi di beberapa negeri.
- Sesi ini turut menjadi platform penting untuk memperkukuh kerjasama antara agensi dan mempertingkatkan kefahaman media dalam menyampaikan maklumat bencana secara tepat, pantas dan bertanggungjawab kepada rakyat. Inisiatif ini seiring dengan pendekatan "Siaga Bencana, Tanggungjawab Bersama" yang menandakan komitmen berterusan kerajaan dalam memperkukuh kesiapsiagaan negara menghadapi cabaran bencana yang semakin kompleks.

✓ — NASIHAT DAN INFO SELANJUTNYA

Tips Sewaktu Musim Panas:

- ✓ Minum air mencukupi dan hadkan aktiviti luar.
- ✓ Pakai pakaian yang selesa, sesuai dan mudah menyerap peluh.
- ✓ Elakkan pembakaran terbuka.
- ✓ Simpan bekalan air secukupnya.

Tips Sewaktu Berlaku Banjir:

Sebelum banjir:

- ✓ Kenal pasti kawasan berisiko banjir di sekitar tempat tinggal.
- ✓ Sediakan beg kecemasan berisi dokumen penting, makanan kering, pakaian, ubat-ubatan dan peralatan kecemasan.
- ✓ Simpan nombor penting dan pasukan penyelamat.
- ✓ Pastikan longkang, parit dan saluran air di sekitar rumah sentiasa bersih.
- ✓ Kenal pasti PPS terdekat.

Semasa banjir:

- ✓ Patuhi arahan berpindah daripada pihak berkuasa.
- ✓ Putuskan bekalan elektrik dan gas jika rumah mula dinaiki air.
- ✓ Elakkan merentas jalan atau sungai yang dinaiki air deras.
- ✓ Gunakan hanya sumber air bersih dan makanan selamat.
- ✓ Sentiasa bersama ahli keluarga dan pastikan kanak-kanak diawasi.
- ✓ Ikuti perkembangan cuaca dan maklumat rasmi daripada pihak berkuasa.


Selepas banjir:

- ✓ Pulang ke rumah hanya selepas pengesahan pihak berkuasa bahawa kawasan selamat.
- ✓ Periksa struktur rumah, terutama dinding, lantai, bumbung dan kabel elektrik.
- ✓ Elakkan menggunakan peralatan elektrik yang terkena air sebelum diperiksa.
- ✓ Bersihkan rumah dengan langkah keselamatan dengan menggunakan sarung tangan, kasut getah, pelitup muka.
- ✓ Buang makanan dan ubat yang terdedah kepada air banjir.
- ✓ Dapatkan rawatan segera jika mengalami simptom penyakit bawaan air.

Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://portalbencana.nadma.gov.my> dan <https://www.nadma.gov.my>.




STATUS CUACA PANAS
PADA 31 OKTOBER 2025 JAM 4.00 PETANG



Tahap 1	PAHANG (Maran), NEGERI SEMBILAN (Jempol), JOHOR (Tangkak & Segamat)
Tahap 2	-
Tahap 3	-




STATUS STORAN EMPANGAN
PADA 31 OKTOBER 2025




Sumber: Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)



INDEKS PENCEMARAN UDARA (IPU)
 PADA 1 NOVEMBER 2025 JAM 12.00 TENGAH HARI




Total Station : 68



Sumber: Jabatan Alam Sekitar (JAS)



BILANGAN TITIK PANAS SERANTAU
PADA 31 OKTOBER 2025



KAWASAN		TARIKH						
		25/10	26/10	27/10	28/10	29/10	30/10	31/10
Indonesia	Kalimantan	0	0	0	4	7	0	2
	Sumatra	4	10	9	6	2	10	84
Malaysia	Sabah & Sarawak	0	0	0	2	2	0	0
	Semenanjung	0	3	1	0	0	0	3

Petunjuk: meningkat menurun kekal

Sumber: Asean Specialized Meteorological Centre (ASMC)